

PERTANDINGAN ROBOCON KUKUM 2006

Dalam usaha untuk memilih pasukan terbaik untuk menyertai pertandingan ROBOCON peringkat kebangsaan satu pertandingan Robocon peringkat KUKUM telah diadakan pada 14 hingga 15 April 2006. Pertandingan yang berlangsung selama dua hari di Dewan Serbaguna, Kubang Gajah, dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan Pusat Kejuruteraan.

Tujuan utama pertandingan seperti ini diadakan adalah untuk memilih tiga pasukan terbaik untuk mewakili KUKUM ke pertandingan Robocon peringkat kebangsaan. Pertandingan ROBOCON KUKUM ini antara lain juga cuba memberi pendedahan kepada para pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam pertandingan-pertandingan robotik.

Sebanyak lima pasukan telah menyertai pertandingan tersebut iaitu dua pasukan dari Pusat Kejuruteraan, masing-masing satu pasukan daripada gabungan pusat pengajian iaitu Mekatronik-Mikroelektronik, Pembuatan-Sistem Elektrik, dan Komputer-Bahan. Pasukan-pasukan yang menyertai adalah terdiri daripada para pelajar yang mewakili setiap pusat pengajian di KUKUM.

Dalam pertandingan tersebut Pusat Kejuruteraan A muncul Juara Robocon KUKUM 2006. Manakala tempat kedua disandang oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik-Mikroelektronik dan tempat ketiga oleh Pusat Kejuruteraan B.

